

10/02/2015 - Majlis Pelancaran Bantuan dan Misi Banjir ANGKASA dan CUEPACS

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia.

Yang Dihormati Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan
Kepenggunaan

YBhg. Datuk Nik Ali bin Mat Yunus,

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia

YBhg. Dato' Haji Abdul Fattah Haji Abdullah,

Presiden ANGKASA

YBhg. Dato' Azih bin Muda,
Presiden CUEPACS

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik,
Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia

YBhg. Tuan Haji Mutadho Bahari, Timbalan Presiden ANGKASA

YBhg. Tuan Haji Nasir Khan Yahaya,

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA

Barisan Kepimpinan ANGKASA dan CUEPACS

boleh diberi keseragaman atau diberi penambahbaikan mengikut kesesuaian dan faktor-faktor tertentu.

5. Namun begitu, apa yang cukup membanggakan saya adalah, terdapat penjawat awam yang terlibat dalam musibah ini tidak mengabaikan tanggungjawab mereka malah terus berkhidmat demi rakyat dan negara. Anggota-anggota perubatan seperti doktor, jururawat, pembantu perubatan terus menjalankan tugas, meskipun rumah mereka dimasuki air. Anggota penyelamat dan keselamatan seperti BOMBA, JPAM, Tentera dan Polis terus berkhidmat tanpa penat dan waktu demi memastikan keadaan adalah selamat dan terkawal. Pengorbanan dan semangat seumpama inilah yang mencerminkan Penjawat Awam Malaysia yang sebenar. Syabas diucapkan.

SEMANGAT 1MALAYSIA MELALUI KESUKARELAWANAN DAN KESANTUNAN MEDIA SOSIAL

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Ketika negara dilanda musibah ini, rakyat Malaysia secara tidak langsung telah mencerminkan jiwa mereka yang sebenar. Pertama, semangat kerjasama dan saling bantu membantu oleh rakyat Malaysia cukup luar biasa di mana komitmen dan tanggungjawab sosial kita semua adalah cukup tinggi.

7. Daripada individu perseorangan, berkumpul sehinggalah kepada agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat korporat dan Badan Bukan Kerajaan atau NGO telah tampil hadapan untuk memberikan pelbagai bentuk bantuan. Mereka telah bertindak dengan pelbagai cara daripada peringkat mengumpulkan dana sehinggalah pengagihan bantuan banjir. Solidariti dan semangat kerjasama yang ditunjukkan ini adalah cukup mengagumkan malah kesungguhan dan kesepakatan rakyat seumpama ini mencerminkan kejayaan gagasan 1Malaysia yang diutarakan oleh YAB Perdana Menteri kita.

8. Keduanya, penggunaan media sosial. Ketika musibah ini, saya percaya ada segelintir rakyat di negara ini yang tidak bertanggungjawab dalam menyebarkan isu-isu yang tidak sah atau tepat. Kendatipun begitu, saya dapat melihat majoriti rakyat Malaysia tanpa mengira pegangan agama dan bangsa terus berdoa dan memberikan semangat dan kata-kata positif di dalam media sosial kepada sanak saudara, kenalan rapat mahupun sahabat handai yang terlibat dengan banjir ini. Sesungguhnya doa dan keyakinan yang diberikan melalui media sosial sebegini, sedikit sebanyak dapat membantu untuk mengurangkan kemurungan dan meningkatkan ketabahan diri kepada mereka yang terlibat dengan musibah banjir ini.

9. Akhir sekali, kebangkitan semangat kesukarelawan yang tinggi. Pelbagai agensi kerajaan, NGO, IPTA, GLC dan komuniti-komuniti kecil tampil ke hadapan dengan menyertai aktiviti kesukarelawan seperti IM4U dan sebagainya dalam membantu mangsa-mangsa banjir adalah patut dipuji.

10. Saya yakin golongan muda merupakan golongan yang paling ramai menyertai misi bantuan banjir ini dan pengalaman seumpama ini amat diperlukan dalam diri generasi muda untuk menjadi insan berguna pada masa hadapan. Hanya dengan adanya penglibatan aktiviti kesukarelawan seumpama ini, akan dapat meneruskan kesinambungan warga Malaysia yang penyayang dan prihatin.

SKUAD PASUKAN SUKARELAWAN KOPERASI (PASKOP)

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sebagai badan puncak gerakan koperasi, saya difahamkan ANGKASA juga mempunyai skuad sukarelawan yang dikenali sebagai Pasukan Sukarelawan Koperasi atau PASKOP. Skuad ini telah ditubuhkan bagi menunaikan

tanggungjawab sosial kepada komuniti masyarakat dan semenjak tahun 2009 lagi, PASKOP telah menjalankan pelbagai aktiviti kesukarelawanan dari dalam dan luar negara. Saya percaya langkah proaktif ini adalah selaras dengan teras dan prinsip koperasi yang berasaskan kerjasama dan mementingkan keprihatinan kepada masyarakat dan alam sekitar.

12. Sehubungan dengan itu, saya berpandangan dengan adanya gerakan koperasi di Malaysia yang cukup besar, dimana hampir **11,500 buah koperasi** diseluruh negara dengan keanggotaan individu seramai **8 juta orang**, usaha atau skuad seperti ini perlu dipergiatkan dengan lebih meluas. Dengan adanya pengemblengan idea dan tenaga daripada seluruh anggota koperasi, ia secara tidak langsung dapat memberikan **impak yang tinggi dan berkesan** dalam membantu komuniti masyarakat yang memerlukan. Bak kata pepatah, “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”.

SEMANGAT TANGGUNGJAWAB SOSIAL KOPERASI
(CO- OPERATIVE SOCIAL RESPONSIBILITY)

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

13. Pada hari ini, semangat keprihatinan seumpama ini ditunjukkan oleh gerakan koperasi negara yang dipimpin oleh ANGKASA dan CUEPACS. Saya difahamkan jalinan kerjasama dalam menganjurkan misi kemanusiaan bantuan banjir kepada mangsa-mangsa banjir ini melibatkan **empat buah negeri** iaitu Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak yang merupakan negeri yang terjejas teruk akibat musibah ini. Semangat dan keprihatinan sebegini, bukan sahaja menunjukkan warga ANGKASA dan CUEPACS bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada para penjawat awam yakni ahli CUEPACS dan juga pelanggan ANGKASA malah kepada sesiapa sahaja yang memerlukan.

14. Semoga **aktiviti tanggungjawab sosial koperasi** (Co-operative Social Responsibility) seumpama ini dapat dijadikan contoh kepada agensi-agensi lain dan dapat dijalankan secara bersepadu dan berterusan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Saya juga difahamkan ANGKASA telah memperuntukkan sejumlah **RM2.3 juta ringgit** bagi misi bantuan kali ini. Pada pagi ini, seramai **1,200 keluarga** akan menerima bantuan seperti dapur gas, tong gas, selimut, kain pelikat, kain batik, telekung, makanan dalam tin, dan barang keperluan dapur yang merupakan produk keluaran koperasi.

16. Di samping itu juga, saya telah dimaklumkan bahawa ANGKASA sedang **mempertimbangkan** untuk meneruskan **pemberian bantuan kepada koperasi-koperasi sekolah dan dewasa** yang terjejas teruk akibat banjir. Malah ANGKASA juga mempunyai **perancangan untuk membantu membina rumah** bagi mereka yang hilang tempat tinggal akibat banjir. Saya berharap niat murni seumpama ini dapat dijayakan dengan sebaiknya.

PENUTUP

17. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ANGKASA, CUEPACS dan seluruh anggota koperasi yang prihatin dalam membantu mangsa banjir. Sesungguhnya, slogan 'bekerja bersama-sama demi manfaat bersama' oleh ANGKASA ini jika diamalkan akan membawa keharmonian dan kesejahteraan kepada kehidupan kita semua.

18. Akhir kata, marilah kita bersama-sama berharap dan berdoa semoga Misi Kemanusiaan Bantuan Banjir Kerjasama ANGKASA dan CUEPACS ini berjalan dengan lancar, dirahmati dan mendapat barakah Allah SWT.

Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Misi Kemanusiaan Bantuan Banjir Kerjasama ANGKASA dan CUEPACS.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.